

## KERATAN AKHBAR

JUDUL : Bernama Online

TARIKH : Khamis, 30 Mei 2019



### World #QuranHour platform hebatkan industri pelancongan islam negara - Muhammad Bakhtiar

Tarikh kemaskini: 30/05/2019

KUALA LUMPUR, 30 Mei (Bernama) -- Program World #QuranHour boleh menjadi platform dalam memperhebatkan lagi industri pelancongan Islam negara, kata Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Muhammad Bakhtiar Wan Chik.

Beliau berkata ia sejajar dengan reputasi Malaysia yang sememangnya merupakan negara mesra Muslim utama dan menjadi destinasi tarikan pelancong terutama dari negara Timur Tengah serta Asia Tengah seperti Kazakhstan dan Uzbekistan.

“Menurut hasil kaji selidik Indeks Pelancongan Muslim Global 2018, Malaysia kekal berada di tempat pertama sebagai destinasi pelancongan Islam popular dengan jumlah skor 380.4,” katanya sempena majlis pelancaran World #QuranHour peringkat Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di sini hari ini.

“Ia berdasarkan kriteria dalam kemudahan perkhidmatan mesra Islam yang mudah didapati merangkumi restoran halal, kawasan dan ruang solat serta lapangan terbang dan hotel yang mesra Islam,” tambahnya.

Menurutnya kerajaan juga komited menghasilkan produk pelancongan Islam negara dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pengurusan pentadbiran negara, memacu pertumbuhan hab dan produk halal serta pembinaan infrastruktur dan mercu tanda berkonsepkan seni bina Islam. -- LAGI

Dalam pada itu, beliau berkata program World #QuranHour hasil inisiatif Yayasan Warisan Ummah Ikhlas yang memasuki edisi keempat sejak 2016 itu, bertujuan menggalakkan setiap individu berinteraksi dengan Al-Quran melalui bacaan, kefahaman dan amalan.

“Program ini juga mendapat sambutan baik melalui penyertaan daripada pelajar dan orang awam. Tahun lepas program ini mencatatkan satu juta penyertaan bagi sektor perpustakaan dan sasaran pada tahun ini adalah sebanyak 1.1 juta penyertaan,” katanya.

Muhammad Bakhtiar berkata sokongan itu menunjukkan keprihatinan dan iltizam

masyarakat bagi melahirkan insan yang cinta akan Al-Quran dan menjadikan pembacaannya sebagai budaya dalam kehidupan.

Program World #QuranHour anjuran PNM dengan kerjasama Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Se-Malaysia diadakan serentak di seluruh negara hari ini dengan kerjasama semua Perpustakaan Awam Negeri (PAN), pelbagai organisasi dan orang awam.

Di SHAH ALAM, Selangor, program di Perpustakaan Raja Tun Uda, Seksyen 13 hari ini 'dihidupkan' dengan alunan bacaan kitab suci itu selama satu jam oleh kira-kira 250 pelajar pelbagai sekolah serta kakitangan gedung ilmu berkenaan.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhamad berkata susulan sambutan yang amat menggalakkan terhadap program berkenaan sebelum ini, ia dianjurkan sekali lagi pada tahun ini, serentak di 104 perpustakaan awam di seluruh Selangor.

"Alunan bacaan Al-Quran untuk program World#QuranHour2019 hari ini kita dilaksanakan serentak di perpustakaan lain seperti mana kerjasama untuk program Jom Baca Bersama Untuk 10 Minit," katanya.

Tambah beliau, program yang bertujuan untuk menggalakkan setiap individu supaya sentiasa berinteraksi dengan Al-Quran itu merupakan kerjasama Yayasan Warisan Ummah Ikhlas (WUIF), Kumpulan Media Karangkrif dan pasukan Rumah Ngaji.

Di SEREMBAN, Negeri Sembilan, kira-kira 300 peserta terdiri daripada kakitangan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Negeri Sembilan dan Orang Kena Pengawasan serta komuniti Taman Panchor Jaya, menyertai program World #QuranHour.

Program satu jam bersama al-Quran yang diadakan di Masjid Panchor Jaya, Seremban itu turut disertai pelajar tahfiz dan anak-anak yatim.

Pengarah AADK Negeri Sembilan Nazira Sadiron berkata dalam usaha mengimarahkan bulan Ramadan AADK Negeri Sembilan mengadakan pelbagai program berbentuk kerohanian setiap minggu bersama kakitangan.

Program hari ini turut disertakan dengan program khatam Al-Quran selain penyerahan sumbangan duit raya kepada 121 kanak-kanak terdiri daripada anak yatim dari Rumah Anak Yatim Walidaina dan pelajar tahfiz dari Madrasah Tahfiz As-Salihin.

Selain Masjid Panchor Jaya, program World #QuranHour turut diadakan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan.

Di KUALA KANGSAR, Perak, seramai 2,000 orang menyertai World Quran#Hour di Masjid Ubudiah di Kediaman Menteri Besar Perak di Ipoh hari, di mana program dimulakan dengan bacaan Surah al-Fatihah dan diikuti dengan lapan orang bergilir-gilir membaca Surah Al-Khafi selama sejam bermula pukul 12 tengah hari hingga tamat pada pukul 1.00 tengah hari tadi.

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak (PPANIPk) Mohammad Nazari Abdul Hamid berkata ketika ditemui pada program World Quran#Hour di Masjid Ubudiah, Bukit Chandan di Seremban hari ini berkata program itu bertujuan menyuntik semangat agar umat Islam terus mencintai kitab suci al-Quran pada bulan mulia ini.

"Ini kali ke empat kita anjurkan di negeri ini dan kita memilih Masjid Ubudiah kerana ia merupakan salah satu masjid yang tercantik di dunia," katanya dan menambah di Masjid Ubudiah dan kediaman kediaman Menteri Besar, sambutan World Quran#Hour turut diadakan di 63 buah perpustakaan awam seluruh negeri Perak.

-- BERNAMA